

RUBBEREX CORPORATION (M) BERHAD
199601000297 (372642-U)

DASAR PEMBERIAN MAKLUMAT

PENGENALAN

Rubberex Corporation (M) Berhad dan syarikat subsidiarinya (“Kumpulan” atau “Syarikat”) komited terhadap piawaian tertinggi bagi integriti, ketelusan dan tanggungjawab ketika menjalankan perniagaan dan operasinya, serta menggalakkan dan menyokong budaya tingkah laku yang jujur dan beretika, pematuhan korporat dan tadbir urus korporat yang baik.

Dasar ini membentuk garis panduan am yang membolehkan pekerja Kumpulan dan pihak berkepentingan yang lain melaporkan atau mendedahkan, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas, apa-apa kelakuan tidak wajar atau kesalahan dalam Kumpulan.

SKOP

Kelakuan tidak wajar atau kesalahan termasuklah, tetapi tidak terhad pada tindakan dan perbuatan berikut:

- Penipuan (sengaja atau tidak sengaja);
- Pelesenan aset;
- Pecah amanah jenayah;
- Amalan haram atau rasuah;
- Perakaunan yang boleh dipersoalkan atau tidak wajar;
- Kesalahan di sisi undang-undang atau kesalahan jenayah;
- Konflik kepentingan tanpa pendedahan;
- Penyalahgunaan harta atau maklumat sulit Syarikat;

- Perlakuan yang membahayakan kesihatan dan keselamatan pekerja dan orang awam;
- Tindakan atau peninggalan yang dianggap sebagai bertentangan dengan kepentingan Syarikat, undang-undang, peraturan atau dasar awam; dan
- Menyembunyikan dengan sengaja apa-apa perkara atau kesalahan di atas.

DASAR PELAPORAN

Apabila perlu, isu seharusnya dikemukakan dan ditangani melalui barisan pelaporan dan prosedur pelaporan biasa dalam Syarikat. Walau bagaimanapun, jika dipercayai bahawa amalan salah tersebut tidak dapat diselesaikan melalui barisan pelaporan dan prosedur pelaporan biasa, atau membabitkan peringkat pengurusan kanan dalam Kumpulan dan/atau pekerjaan pekerja itu sendiri mungkin terjejas akibat mengemukakan isu tersebut, maka isu itu boleh dikemukakan melalui saluran lain yang diperuntukkan oleh dasar ini.

Dasar ini tidak menggantikan prosedur kilangan dan/atau dasar tatatertib yang sedia ada tetapi menyediakan cara alternatif bagi pekerja atau pihak berkepentingan lain untuk melaporkan atau mendedahkan, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas, apa-apa kelakuan tidak wajar atau kesalahan yang telah dilakukan atau akan dilakukan.

MEMBUAT PELAPORAN SECARA JUJUR

Syarikat berharap pekerja dan pihak berkepentingan lain akan melaporkan masalah yang sebenar tanpa prasangka, secara jujur dan atas sebab yang munasabah.

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi maklumat di bawah Dasar ini boleh diberikan perlindungan kerahsiaan yang sewajarnya, setakat dan semunasabah yang mungkin.

Di Rubberex, pekerja yang memberikan maklumat juga akan dilindungi daripada dikenakan tindakan pekerjaan yang menjejaskan (seperti penalti, diturunkan pangkat,

digantung kerja atau dibuang kerja) dan tindakan balas sekiranya pekerja memaklumkan perkara yang berikut:-

- mendedahkan apa-apa kelakuan tidak wajar atau kesalahan yang dilakukan atau akan dilakukan;
- melaporkan perkara yang dia percaya membentuk pelanggaran apa-apa garis panduan, kaedah dan peraturan dalaman atau luaran Syarikat;
- melaporkan apa-apa penipuan yang dilakukan oleh kakitangan, pelanggaran Tatakelakuan dan Kod Etika Syarikat, konflik kepentingan atau pelanggaran dasar yang serupa, jika dibuat secara jujur;
- memberikan maklumat atau menyebabkan maklumat diberikan dalam penyiasatan yang dijalankan dalam syarikat atau luar syarikat oleh mana-mana agensi kawal selia atau pihak berkuasa (seperti polis, agensi kerajaan atau kementerian, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia Securities Berhad dan/atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia); dan
- turut serta dalam penyiasatan, pendengaran, prosiding mahkamah atau siasatan pentadbiran lain berhubung dengan mana-mana laporan tersebut.

Mana-mana pihak yang mengambil tindakan balas terhadap pekerja yang melaporkan kelakuan tidak wajar atau kesalahan secara jujur, boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya, sehingga dan termasuklah tindakan undang-undang, jika berkenaan. Walau bagaimanapun, perlindungan di bawah Dasar ini tidak bermaksud perlindungan daripada tindakan tatatertib (termasuk penamatan pekerjaan) yang timbul daripada tuduhan palsu, remeh atau tidak berasas yang dibuat oleh pemberi maklumat dengan sengaja.

RANGKA KERJA PEMBERIAN MAKLUMAT

Prosedur pemberian maklumat menggariskan komitmen Syarikat untuk menyediakan saluran agar pihak berkepentingan dapat melaporkan kejadian kelakuan tidak wajar atau kesalahan.

Laporan hendaklah dibuat secara bertulis, diserahkan melalui pos atau e-mel dan dialamatkan kepada:

Pn. Chong Lay Kim	Atau Dato' Christopher Chan
Setiausaha Syarikat	Pengerusi Jawatankuasa Audit
d/a Tricor Corporate Services Sdn Bhd	3 Lorong PJU 7/24A
41, Jalan Medan Ipoh 6	Mutiara Damansara
Bandar Baru Medan Ipoh	47810 Petaling Jaya, Selangor
31400 Ipoh, Perak, Malaysia	Malaysia
E-mel: lay.kim.chong@my.tricorglobal.com	E-mel: 3csgalaxy@gmail.com

- Pernyataan pekerja akan dicatatkan dalam Borang Pemberian Maklumat, mengikut contoh yang dilampirkan.
- Laporan yang diterima tanpa menyatakan nama akan dianggap sebagai rahsia.
- Pasukan penyiasatan bebas boleh ditubuhkan oleh pihak Pengurusan untuk menyiasat isu sebenar dalam tempoh yang munasabah. Apabila siasatan selesai, dapatan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan dan tindakan mereka selanjutnya.

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Jika terdapat percanggahan antara dasar ini dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ("Akta"), maka Akta ini hendaklah digunakan.

September 2021 (Dikemaskini 1)

RUBBEREX CORPORATION (M) BERHAD
199601000297 (372642-U)

BORANG PEMBERIAN MAKLUMAT

Tarikh: _____

A. BUTIRAN SUSPEK

- (i) Nama kakitangan yang dituduh:
- (ii) Jawatan/Jabatan kakitangan yang dituduh (jika diketahui):
- (iii) Sila nyatakan kesalahan yang dituduh: _____

- (iv) Tarikh dan masa kejadian:
- (v) Lokasi kejadian:
- (vi) Sila lampirkan keterangan berasingan jika perlu dan berikan apa-apa bukti atau dokumen untuk menyokong dakwaan anda.
- (vii) Sila berikan maklumat tentang mana-mana pihak lain yang terlibat dan/atau apa-apa maklumat lain yang mungkin berkaitan.

B. SAKSI

Sila berikan maklumat saksi yang boleh dihubungi bagi kejadian yang didakwa:

Saksi 1

Saksi 2

Nama:

Nama:

Nombor Telefon:

Nombor Telefon:

E-mel:

E-mel:

C. BERTINDAK SECARA JUJUR

Tindakan anda melaporkan kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan yang dituduh menunjukkan bahawa anda telah membaca Dasar Pemberian Maklumat Syarikat dan anda membuat laporan secara jujur.

D. PENGAKUAN (Sila tandatangan bahagian ini jika anda mahu nama anda dirahsiakan)

Saya mengaku bahawa laporan ini telah saya buat setelah siasatan sewajarnya dan berhati-hati dijalankan, tanpa tuduhan palsu atau berniat jahat.

Tandatangan

Tarikh:

Sila berikan maklumat yang boleh dihubungi di sini jika anda membuat laporan ini atas nama anda:

Nama:

Nombor telefon:

E-mel: